

**Saya berasa gembira tetapi sedih mengetahui tentang pencalonan Cik Halimah sebagai Speaker.**  
 Beliau rakan yang mengagumkan di Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) dan saya sering meraih manfaat daripada nasihatnya yang berterus-terang. Beliau obor yang menjalankan tugasnya dengan tidak kenal erti penat dan minatnya yang mendalam. Rakan-rakan kerja dan saya sudah tentu merindunya.  
 Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Cik Halimah kerana pencalonannya sebagai Speaker wanita yang pertama. Saya lebih bersemangat kerana akan terus mempunyai peluang bekerja dengannya.  
**– Encik Chan Chun Sing, Pemangku Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga.**



**Saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan berharap beliau akan terus cemerlang, sekali gus mengharumkan nama baik masyarakat yang diwakili.**  
**– Encik Masagos Zulkifli**  
**Masagos Mohamad, Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar).**



**Walaupun beliau tidak boleh “menyertai” perbaasan dalam Parlimen, Cik Halimah masih boleh membincangkan isu-isu yang dekat dengan hatinya di luar Parlimen. Lantas pencalonannya tidak seharusnya dihilang sebagai satu kehilangan.**  
**– Encik Abdullah Tarmugi, mantan Speaker Parlimen.**



**Beliau merupakan pilihan terbaik kerana latar belakangnya (dalam bidang guaman dan sebagai AP penggal ketiga) dan kerana beliau begitu dihormati di kalangan semua Anggota Parlimen. Saya percaya beliau akan menjadi inspirasi bagi semua wanita di seluruh dunia.**  
**– Encik Zainal Sapari, Pengerusi Majlis Bandaran Pasir Ris-Punggol, yang juga AP GRC Pasir Ris-Punggol.**

**Namun kita juga akan “kehilangan” suara seorang pemimpin yang lantang dan saya berharap beliau akan dapat terus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.**  
**– AP GRC Chua Chu Kang, Encik Zaqq Mohamad.**

## Halimah calon Speaker yang disenangi ramai



**DIUMUMKAN SELEPAS MESYUARAT:** Perdana Menteri berkata beliau telah memberi taklimat kepada AP Parti Tindakan Rakyat (PAP) mengenai pencalonan Cik Halimah (gambar) sewaktu peribincangan di Dewan Parlimen tengah hari semalam dan mendapat sokongan penuh mereka. – Foto THE STRAITS TIMES

Oleh AZAHAR MOHD  
 azahar@sph.com.sg  
 dan ERVINA MOHD JAMIL  
 ervinam@sph.com.sg

BELIAU seorang yang berwawasan, berpandangan jauh dan memiliki perwatakan lembut tetapi tegar. Pencalonan Menteri Negara (Pembangunan Sosial dan Keluarga), Cik Halimah Yacob, sebagai Speaker Parlimen yang baru juga mencerminkan beliau mampu memulihkan tanggungjawab lebil berat walaupun beliau seorang wanita.

Cik Halimah iua seorang individu yang dihormati

Anggota Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan dalam Dewan, selain bebas dan adil, menurut beberapa Anggota Parlimen (AP), pengamat politik, rakan-rakan dan juga pemimpin kesatuan sekerja, semalam.

Menyatakan Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, yang dihubungi semalam berkata masyarakat Melayu/Islam pasti bersama dengan pencalonannya sebagai Speaker wanita pertama dan wakil masyarakat yang disenangi semua.

“Saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan berharap beliau akan terus cemerlang, sekali gus mengharumkan nama baik masyarakat yang diwakili,” katanya.

Mantan Speaker Parlimen, Encik Abdullah Tarmugi, berkata pencalonan Cik Halimah yang digambarkan sebagai lembut tetapi tegar merupakan satu kebanggaan kepada masyarakat Melayu/Islam.

“Walaupun beliau tidak boleh “menyertai” perbaasan di dalam Parlimen, Cik Halimah masih boleh membincangkan isu-isu yang dekat dengan hatinya di luar Parlimen. Lantas pencalonannya tidak seharusnya dihilang sebagai satu kehilangan,” jelasnya lagi.

Pengerusi Majlis Bandaran Pasir Ris-Punggol, yang juga AP GRC Pasir Ris-Punggol, Encik Zainal Sapari, berkata pencalonan Cik Halimah merupakan pilihan yang terbaik.

“Selain itu, isu-isu mengenai keluarga, terutama anak-anak dan wanita begitu dekat dengannya,” kata Encik Mohd Yusof.

Walaupun Cik Halimah mempunyai jawatan tinggi, beliau tidak malu atau ragu-ragu meminta pandangan orang ramai.

“Walupun saya gembira Cik Halimah diberi jawatan ketiga tertinggi di Singapura, saya juga prihatin kita hilang suara seorang pejuang yang lantang membela nabi pekerja, wanita dan juga golongan perlu dibela,” tambah beliau.

“Beliau merupakan pilihan terbaik kerana latar belakangnya (dalam bidang guaman dan sebagai AP penggal ketiga) dan kerana beliau begitu dihormati di kalangan semua Anggota Parlimen.

“Saya percaya beliau akan menjadi inspirasi bagi semua wanita di seluruh dunia,” ujarnya.

AP GRC Chua Chu Kang, Encik Zaqq Mohamad, pulu berkata pencalonan Cik Halimah mampu membuktikan bahawa Cik Halimah mampu memikul tanggungjawab yang lebih berat itu, walaupun beliau seorang wanita.

“Namun, kita juga akan “kehilangan” suara seorang pemimpin yang lantang dan saya berharap beliau akan dapat terus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat,” tambah beliau.

AP GRC Lee Soon, Cik Lee Bee Wah, pulu berkata pencalonan Cik Halimah merupakan satu kemajuan yang memberangsangkan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persatuan Ain, Encik Mohd Yusof Ismail, yang telah mengenalai Cik Halimah selama lebih 10 tahun, pulu berkata bakal Speaker baru itu seseorang yang berwawasan, berpandangan jauh, berperwatakan yang lembut tetapi tegar.

“Contohnya, apabila kami duduk berbincang dengan aggota Lembaga Persatuan Ain, beliau akan meminta kami memikirkan ke hadapan beberapa tahun, seperti untuk 10 tahun lagi, apakah yang akan terjadi kepada unit keluarga dan apakah rancangan yang mereka lakukan bagi program-program untuk mereka.

“Selain itu, isu-isu mengenai keluarga, terutama anak-anak dan wanita begitu dekat dengannya,” kata Encik Mohd Yusof.

Walaupun Cik Halimah mempunyai jawatan tinggi, beliau tidak malu atau ragu-ragu meminta pandangan orang ramai.

“Walupun saya gembira Cik Halimah diberi jawatan ketiga tertinggi di Singapura, saya juga prihatin kita hilang suara seorang pejuang yang lantang membela nabi pekerja, wanita dan juga golongan perlu dibela,” tambah beliau.

### CIK HALIMAH YACOB, 58 TAHUN

#### PENDIDIKAN

1961 - 1971: GCE Peringkat ‘O’ (Sekolah Perempuan Cina Singapura)  
 1972 - 1973: GCE Peringkat ‘A’ (Sekolah Perempuan Tanjong Katong)  
 1974 - 1978: Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) (Kepujian), Universiti Singapura  
 1999 - 2001: Sarjana Undang-Undang (LLM), Universiti Nasional Singapura

#### KERJAYA

1978: Menyertai NTUC sebagai pegawai undang-undang  
 1992: Dilantik sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Guaman NTUC  
 1 April 1999: Dilantik sebagai Pengarah Institut Pengajian Buruh Singapura (Sils)  
 1 Mei 1999: Dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung NTUC  
 7 Jun 1999: Dilantik sebagai Anggota Timbalan Lembaga Memerintah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), menjadi wakil pekerja Singapura pertama dipilih untuk menduduki lembaga yang berpusat di Geneva itu

**ANGGOTA PARLIMEN**  
 3 November 2001 - 19 April 2006: AP GRC Jurong  
 27 April 2006 - 18 April 2011: AP GRC Jurong  
 7 Mei 2011 - kini: AP GRC Jurong

**MENTERI NEGARA**  
 21 Mei 2011 - 31 Oktober 2012: Menteri Negara (Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan)  
 1 November 2012 - kini: Menteri Negara (Pembangunan Sosial dan Keluarga)

**ANUGERAH**  
 2001: Penerima Anugerah Jauhari Berita Harian/McDonald's

Cik Halimah menyertai politik pada 2001.

Dalam pilihan raya tahun tersebut, Cik Halimah berma pasukannya – Encik Lim Boon Heng, Encik Tharman Shanmugaratnam, Dr Ong Chit Chung (menang) dan Cik Yu-Foo Yee Shoon – mengalahkan Parti Demokratik Singapura (SDP) pimpinan Dr Chee Soon Juan dengan kemenangan 85 peratus undi.

Sebelum menyertai politik pada 2001, beliau menyandang pelbagai jawatan.

Antaranya termasuk menjadi Timbalan Setiausaha Agung NTUC, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Guaman NTUC dan Anggota Badan Pentadbir, Persidangan dan Bantuan Antarabangsa, yang bertempat di Geneva.

Cik Halimah juga pemenang Anugerah Jauhari Berita Harian/McDonald's pada 2001.

Sama dengan Cik Halimah, Encik Mohammed Abdulla Alhabessie, 58 tahun, seorang peniaga, dan mereka mempunyai lima anak berusia antara 22 dan 31 tahun.

Dua anak mereka telah pun berumah tangga.

Cik Halimah pula masih tinggal di flat Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) di kawasan utara Singapura walaupun beliau telah bergelar Menteri Negara.

Dalam temu ramah Berita Harian tentang motivasi hidupnya tahun lalu, Cik Halimah berkata sejak kecil lagi, kerana kesempitan hidupnya sendiri, beliau sedar bahwa mereka yang tidak berkemampuan memerlukan bantuan untuk memperjuangkan nasib mereka.

“Bantuan yang mereka perlu tidak semestinya perubahan atau dasar yang besar. Kadangkala ia hanya bantuan kecil yang dapat membawa perbezaan besar kepada kehidupan penduduk,” katanya.

Ketua Jawatankuasa Eksekutif (Exco) Tabung Amal Aidilfitri (TAA), Haji Nasir Aman, yang telah mengenalai Cik Halimah selama lebih 30 tahun berkata Cik Halimah mempunyai kelebihan yang unik – sedia mendengar walaupun apa pun pandangan yang disaraskan.

“Walau apa pun pandangan yang diberikan kepada Cik Halimah akan mendengar dan membantunya walaupun dia sidang perwakilan dan kadang kala kepada Parti.

“Orangnya peramah, tidak sombong, berkarsisme dan beliau sedar mendengar walaupun pandangan itu berbeza daripada pendiriannya.

“Sifatnya yang suka membantu dan tidak pernah menyakiti hati orang lain walaupun beliau pendirian tegar,” jelas Haji Nasir, yang pernah menyandang jawatan Penolong Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja Industri Besi (MIWB) dari 1979 hingga 2008.

“Pencalonan Cik Halimah sesuai yang amat dibanggakan oleh masyarakat Melayu/Islam. Kejayaan seorang wanita Melayu bertuduh menjadi Speaker merupakan suatu yang luar biasa,” katanya.

Seorang pengamat politik yang juga profesor undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Eugene Tan, yang dihubungi, pulu berkata beliau yakin sifat-sifat peribadi Cik Halimah seperti menegakkan keadilan, kebebasan dan ketegasan akan dianggap sebagai Speaker baru.

“Beliau juga akan meniup kesegaran baru dalam perundungan Singapura, selain menjana minat terhadap AP-AP wanita di kalangan warga Singapura.

“Beliau juga boleh menjadi inspirasi kepada wanita yang ingin membangunkan kerjaya dalam politik,” ujar Encik Tan lagi sambil menambah bahawa pencalonan Cik Halimah, dari segi protokol, akan menjadikan beliau wanita berjawatan paling tinggi dalam sejarah Singapura.

“Namun, lebih penting adalah hakikat bahawa Cik Halimah merupakan seorang wanita yang memakai tudung.

“Ia memberi isyarat kuat bahawa tudung bukanlah penghalang kepada wanita Muslim memainkan peranan yang aktif atau memegang jawatan penting dalam Kabinet atau Pemerintah,” tambahnya.

“Satu lagi simbolisme penting adalah kita kini mempunyai tiga kaum utama di sini diwakili dalam kedudukan penting dalam Pemerintah: Badan Perundungan (Melayu), Kehakiman (India), Ketua Negara, Ketua Persekutuan (Cina).

“Dengan pencalonan ini, ia membolehkan Perdana Menteri merealisasikan pelananya yang awal sebelum Pilihan Raya Umum 2011, untuk mencalonan Encik Zainul Abidin Rasheed sebagai Speaker Parlimen,” katanya.